

Implikatur dalam Drama Qanun 99: Analisis Linguistik Forensik Berdasarkan Teori Relevans

The Implicature in the Drama “Qanun 99”: A Forensic Linguistic Analysis Based on Relevance Theory

Aminnudin Saimon* & Nur Fatin Afiqah Amran
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh,
Johor, Malaysia

Submitted: 14/1/2024. Revised edition: 8/5/2024. Accepted: 13/5/2024. Published online: 26/6/2024

ABSTRAK

Bidang perundang-undangan dan kehakiman merupakan satu bidang yang membantu dalam menegakkan keadilan masyarakat menggunakan bukti-bukti yang diperoleh. Walau bagaimanapun, ujaran boleh dimanipulasi semasa perbicaraan mahkamah atau penyiasatan berlangsung bagi menutupi maksud sebenar. Hal ini menyebabkan wujudnya implikatur dalam ujaran dan memerlukan pihak mahkamah untuk menilai dengan baik segala ujaran yang dituturkan oleh kedua-dua pihak plaintiff dan juga defendant sebelum membuat sebarang keputusan. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis implikatur yang terdapat dalam drama Qanun 99 menggunakan teori relevan oleh Sperber dan Wilson (1986). Teori Relevans mempunyai tiga prinsip utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses yang mampu membantu pihak perundang-undangan dalam membuat keputusan yang tepat. Kajian kualitatif dimanfaatkan dalam kajian ini dengan mengaplikasikan teknik pemerhatian terhadap ujaran dalam konteks drama Qanun 99. Pengkaji menjalankan transkripsi audio ujaran dalam bentuk teks dengan menggunakan teori relevans. Dapatkan kajian menunjukkan keputusan bagi setiap kes yang dikendalikan oleh pihak kehakiman dan pihak peguam bela adalah relevan kerana terdapat banyak pengukuhan dalam kesan konteks yang menjadikan usaha memproses pihak berkuasa adalah rendah. Secara keseluruhannya, drama Qanun 99 menunjukkan kecekapan para peguam bela dan pihak kehakiman dalam membuat sesuatu keputusan yang relevan dengan meneliti segala aspek implikatur sesuatu ujaran.

Kata kunci: Implikatur, Teori Relevan (1986), Linguistik Forensik, Konteks, Perundang-undangan

ABSTRACT

The legal and judicial fields help in upholding the justice of society using the evidence that has been collected. However, utterances can be manipulated during court hearings or investigations to mask the true meaning. This has caused the existence of implicature in speech. This requires the court to properly assess all the statements made by both the plaintiff and the defendant before making any decision. Therefore, the objective of this study focuses on analyses of the implicature using the Theory of Relevance (1986). Relevance Theory (1986) has three main principles which are context, contextual effect and processing effort which can help the legal side in making the right decision. This qualitative study uses the observation technique of speech in the context of the drama Qanun 99. The researcher will transcribe the audio of the speech in text form to collect data. The researcher conducted a content analysis of the text using Relevance Theory. The findings of this study show that the results for each case handled by the judiciary

*Correspondence to: Aminnudin Saimon (email: deanamin@iium.edu.my)

and the attorney are relevant because there is a lot of reinforcement in the contextual effect that makes the processing effort for the authority low. Overall, the Qanun 99 drama has shown the efficiency of the attorney and the judiciary in making a relevant decision by examining all aspects of the implicature of a statement.

Keywords: Implicature, Relevance theory (1986), linguistic forensics, context, law

PENGENALAN

Berdasarkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (2023), statistik menunjukkan sebanyak 201,398 Kes Mal dan 39,916 Kes Jenayah Syariah bagi keseluruhan negeri di Malaysia. Jumlah kes yang banyak ini amat membimbangkan dan bukanlah suatu yang boleh dipandang ringan. Kes-kes ini perlu diselesaikan oleh pihak perundang-undangan yang terlibat seperti peguam bela syariah dan juga pihak kehakiman. Kepakaran yang dimiliki oleh pihak perundang-undangan perlu digunakan dengan sebaik mungkin agar dapat membela pihak yang tidak bersalah. Oleh itu, setiap kesalahan yang dilakukan oleh setiap muslim perlu diteliti dengan baik. Hal ini kerana menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk menegakkan keadilan. Tambahan pula, pihak berkuasa juga perlu menyelesaikan masalah yang timbul dengan melakukan soal siasat yang terperinci terhadap individu yang terlibat sebelum menentukan sesuatu hukuman.

Dalam pada itu, bidang penyiasatan merupakan bidang yang sangat mencabar dan memerlukan tahap penelitian yang tinggi. Hal ini kerana segala maklumat yang diperoleh sepanjang sesi soal siasat berlangsung dapat membantu proses pengumpulan bukti dan juga kronologi bagi kes tersebut (Md. Zahril Nizam Md. Yusoff *et al.*, 2021). Pengumpulan informasi ini dapat membantu pihak kehakiman untuk membuat keputusan yang adil. Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi mengendalikan sesi soal siasat ialah pegawai polis, peguam bela serta pendakwa raya juga melakukan sesi soal siasat sewaktu perbicaraan mahkamah berlangsung bersama dengan individu yang terlibat.

Pada waktu yang sama, komunikasi lisan akan digunakan sepenuhnya sewaktu proses penyiasatan antara kedua-dua pihak, iaitu pihak berkuasa dan juga individu yang terlibat. Pihak berkuasa perlu bijak dalam pemilihan kata bagi memastikan subjek memberikan jawapan yang selari dengan soalan yang diajukan. Kerelevan setiap maklum balas yang diberikan sangat dititikberatkan sewaktu sesi soal siasat dan juga semasa kes perbicaraan mahkamah berlangsung, namun jawapan yang diberikan boleh dimanipulasi oleh individu tersebut (Md. Zahril Nizam Md. Yusoff *et al.*, 2021). Oleh yang demikian, pihak berkuasa perlu meneliti ujaran subjek dengan baik dan perlu memahami maksud yang ingin disampaikan.

Hal ini kerana wujudnya maksud tersirat dan juga manipulasi jawapan yang boleh menyebabkan keraguan dan penipuan sewaktu proses penyiasatan. Kesukaran bagi mentafsir jawapan yang samar dan mempunyai maksud tersirat ini memerlukan tahap kefahaman yang tinggi dalam membezakan jawapan benar atau hanya suatu penipuan. Pentafsiran dan pemahaman implikatur jawapan yang diberikan oleh suspek atau saksi boleh dirungkai dengan menggunakan teori relevan yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Kajian ini memilih drama jenayah syariah yang bertajuk Qanun 99 yang diinspirasikan melalui kisah benar. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan penggunaan implikatur linguistik forensik dalam drama jenayah syariah Qanun 99.

PERNYATAAN MASALAH

Bidang linguistik forensik merupakan satu bidang linguistik yang memfokuskan bidang perundangan secara keseluruhan bermula daripada kes tersebut dilaporkan sehingga ke perbicaraan mahkamah. Menurut Sakakini, A. (2020), bidang linguistik forensik diaplikasikan dalam penyiasatan, konteks perundang-undangan dan juga prosedur kehakiman. Jelaslah bahawa penggunaan bahasa memainkan peranan yang penting dalam bidang perundang-undangan. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu dalam perbicaraan mahkamah kurang digunakan terutamanya bagi mahkamah tertinggi seperti Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan (Sinar Harian, 2021). Tambahan pula, wujudnya peguam dan hakim yang lebih mementingkan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu dalam perbicaraan mahkamah (Roslan Rusly, 2019 dan Sinar Harian, 2021). Berdasarkan permasalahan ini, secara tidak langsung telah menunjukkan kedudukan bahasa Melayu semakin tercabar dan semakin dipinggirkan dalam konteks formal seperti perbicaraan mahkamah.

Kajian yang berkaitan linguistik forensik telah banyak dijalankan di seantero dunia. Antara kajian yang diperoleh adalah daripada Suryani.Y., Suantoko dan Widodo. M. (2021) yang menjalankan kajian berkaitan perniagaan elektronik, Arshad. H. *et al.*, (2022) kajian digital forensik, Catoto. J. S. (2017) kajian berkaitan persoalan di kandang saksi, Uci Permata Putri, Hartman dan Surismiati (2022) kajian berkaitan komen di Facebook dan Satria. H, Darwis. M. dan Kamsinah (2022) kajian berkaitan implikatur. Daripada kajian yang dinyatakan, kajian yang berkaitan dengan ujaran implikatur dalam kes syariah masih lagi kurang dijalankan. Hal ini seajar dengan kenyataan daripada Satria. H, Darwis. M dan Kamsinah (2022) menyatakan bahawa kajian berkaitan implikatur yang memfokuskan kajian linguistik forensik perlu diperluas. Hal ini demikian kerana kajian berkaitan linguistik forensik mempunyai nilai dan kepentingan terutamanya dalam penentuan hukuman berdasarkan linguistik. Oleh itu, kajian berkaitan implikatur dan linguistik forensik perlu dipergiat agar kesahihan hukuman yang dijatuhkan mempunyai kredibiliti berdasarkan linguistik.

Kajian berkaitan linguistik forensik perlu diperluas dan dipergiat. Hal ini demikian kerana melalui linguistik forensik sesuatu hukuman dapat dijatuhkan dengan adil berdasarkan ujaran daripada hakim, peguam dan pesalah. Daripada pemerhatian, ujaran berimplikatur merupakan ujaran yang sukar untuk diinterpretasi disebabkan oleh faktor konteks, kesan konteks dan juga kos untuk memproses ujaran. Ujaran berimplikatur juga merupakan satu strategi untuk mengelakkan diri daripada dijatuhkan hukuman atau didapati bersalah. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat bentuk ujaran yang diujarkan oleh peserta komunikasi sehingga pesalah dijatuhkan hukuman atau didapati bersalah.

SOROTAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh Md. Zahril Nizam Md. Yusoff (2021) yang bertajuk Analisis Komunikasi Lisan dalam Soal Jawab Kes Jenayah Terpilih mendapati bahawa jenayah kekerasan, iaitu kes pencerobohan rumah yang berlaku di Pulau Pinang telah disiasat di bawah Akta 457 Kanun Keseksaan sehingga boleh dihukum penjara. Terdapat dua objektif kajian ini, iaitu menganalisis keberkesanannya sesi soal siasat subjek (SBJ) dengan menggunakan teori Lakuan Tutur Searle (1969) serta menganalisis maklum balas SBJ terhadap soalan yang diberikan pegawai penyiasat jenayah (PPJ) menggunakan prinsip kerjasama Grice (1975). Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian pasif, iaitu pengkaji tidak terlibat

secara langsung sesi soal siasat, tetapi pengkaji ditempatkan di bilik kalis wajah Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Pengkaji melakukan rakaman audio lalu mentranskripsi audio kepada teks. Dapatkan kajian mendapati PPJ menggunakan lakukan tutur direktif dan representatif, manakala SBJ menghasilkan lakukan tutur representatif, komisif dan juga ekspresif. Seterusnya, SBJ mematuhi Prinsip Kerjasama Grice (1975) dengan menggunakan maksim kualiti, kuantiti, hubungan dan gaya sepanjang soal siasat. Walau bagaimanapun, SBJ juga turut melanggar maksim untuk menunjukkan penolakan, percanggahan dan juga kekaburan. Hal ini membuktikan bahawa komunikasi antara PPJ dengan SBJ masih berjalan dengan lancar berdasarkan kedua-dua teori ini. Hasil kajian juga menunjukkan satu dimensi baru dalam bidang linguistik forensik tempatan.

Kajian bertajuk Linguistik Forensik dalam Perniagaan Elektronik yang dijalankan oleh Suryani. Y., Suantoko dan Widodo. M. (2021) mendapati bahawa bentuk pelanggaran hukum yang menggunakan bahasa sebagai media promosi produk dalam perniagaan elektronik. Linguistik forensik telah digunakan untuk membantu mengusut perkara peradilan di bidang hukum, mulai daripada pencemaran nama baik, penyebaran berita bohong, pemalsuan dokumen sehingga penyalahgunaan terkait perniagaan elektronik yang menggunakan bahasa sebagai medianya. Permasalahan perniagaan elektronik dalam penelitian ini yang dimaksudkan adalah jual beli produk ilegal atau tidak halal yang dipromosikan melalui akaun toko online. Promosi produk benda-benda tidak halal tersebut selain menyajikan gambar produk, juga disertai deskripsi produk menggunakan bahasa. Hal tersebut tentu sahaja dapat memicu orang lain yang membaca manfaat benda tidak halal tersebut tertarik untuk membeli. Perniagaan elektronik yang tidak halal ini merupakan tindakan kriminal yang dapat dikenai sanksi hukum kerana melanggar UU terkait jual beli online. Akaun toko online dalam penelitian ini ditemukan pada beberapa akaun toko online ternama di Indonesia. Metode penelitian dalam penelitian ini adalah deskriptif kualitatif. Teknik pengumpulan data menggunakan padan ortografis dan referensial serta analisis data menggunakan triangulasi. Berdasarkan hasil pengumpulan data ditemukan adanya pelanggaran UU ITE terkait transaksi jual beli online produk mustika atau jimat.

Datang. F. A. (2020) menjalankan kajian yang bertajuk Perspektif Historis dalam Linguistik Forensik mendapati bahawa salah satu tugas utama linguistik forensik adalah membuktikan ketulenan atau palsu-tidaknya sebuah dokumen. Kajian linguistik forensik yang banyak dikaji selama ini sebahagian besar berkait dengan bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik dan wacana serta berkaitan aspek kepengarangan (authorship), plagiarisme, bahasa dalam proses persidangan, bahasa dalam proses penyelidikan, dan bahasa undang-undang. Penelitian ini bertujuan untuk menelaah beberapa kasus yang berkaitan dengan aspek kesejarahan linguistik forensik. Pengetahuan tentang sejarah bahasa diperlukan untuk memperjelas sebuah kasus pemalsuan dokumen. Hasil analisis mengungkapkan bahawa dari aspek kesejarahan bahasa, bahasa selalu dalam proses perubahan. Perubahan bahasa merupakan hal yang wajar dan tidak dapat ditolak. Untuk membuktikan palsu atau tidak sesuatu dokumen, sebagai ahli bahasa penulis menganalisis dokumen yang menjadi alat bukti dari segi sejarah dan perkembangan bahasa Indonesia. Ada empat aspek yang diteliti dalam hal ini, iaitu ejaan, morfologi, diksisi dan ayat.

Kajian bertajuk Kejahatan Bahasa di Media Sosial pada Wilayah Hukum Manokwari: Kajian Linguistik Forensik oleh Warami, H. (2021) mendapati bahawa fakta bahasa penghinaan dan pencemaran nama baik sebanyak 15 buah, iaitu 1) biadap, 2) busuk, 3) binatang, 4) anjing, 5) babi, 6) gurita, 7) iblis, 8) setan, 9) sihir, 10) santet, 11) jahat, 12) keji, 13) jahanam, 14) gatal dan 15) puki. Kajian ini bertujuan untuk menggambarkan potensi kejahatan bahasa yang terjadi pada Facebook sebagai media sosial yang diyakini oleh masyarakat pengguna sebagai media yang mampu menawarkan kemudahan dan kecepatan penyebaran informasi, memberi dan menerima tanggapan, mengamati peredaran informasi secara praktis,

mudah dan cepat sesuai konteks kebutuhan pengguna. Data yang digunakan dalam kajian ini terdiri atas data primer, iaitu data yang diidentifikasi dan diolah sendiri oleh saksi ahli bahasa sendiri berupa fakta bahasa pada teks-teks dalam media online (Facebook, SMS dan WA) sebagai barang bukti (BB) penyelidik dan data sekunder berupa data tertulis yang berasal daripada Berita Acara Pemeriksaan (BAP) Saksi Ahli atau Keterangan Ahli yang dibuat oleh penyelidik daripada Satuan Reserve Kriminal (Satreskrim) Polres Manokwari. Dalam perspektif linguistik forensik, kajian ini berupaya untuk menerapkan prinsip-prinsip ilmiah terhadap data kebahasaan pada kasus tindak pidana (kejahatan bahasa), serta mengadaptasi langkah-langkah dalam kajian ilmiah pada bidang ilmu lainnya. Kajian ini menggunakan dua pendekatan, iaitu 1) pendekatan teoretis dan 2) pendekatan metodologis. Pendekatan teoretis adalah eksplorasi teori linguistik forensik, sedangkan pendekatan metodologis adalah pendekatan deskriptif dengan dimensi eksplanatif serta mengikut prosedur 1) tahapan penyediaan data, 2) tahapan analisis data dan 3) tahapan penyajian hasil analisis data.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif secara sistematik yang memanfaatkan kaedah analisis kandungan teks, mentranskripsi audio kepada teks dan melakukan analisis menggunakan teori relevans. Bahan kajian bergantung sepenuhnya kepada drama yang dipilih, iaitu drama jenayah syariah Qanun 99. Drama ini disiarkan dalam siaran Astro Oasis pada tahun 2016 (Berita Harian, 2016). Drama ini dibintangi oleh Farid Kamil dan Yana Samsudin dan mengandungi 13 episod dan setiap episod mengambil masa antara 20 hingga 30 minit. Setiap episod drama ini mengetengahkan kes mahkamah syariah yang berbeza-beza dan diinspirasi daripada peristiwa sebenar.

Kerangka Teoritikal

Teori Relevans dipelopori oleh Dan Sperber dan Dierdre Wilson pada tahun 1986. Teori ini diperkemas dan dilakukan penambahbaikan pada tahun 1995. Teori ini merupakan satu usaha untuk memahami proses kognitif manusia semasa berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini kerana teori relevans berpendapat bahawa setiap ujaran yang dihasilkan tidak memberikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh individu tersebut (Sperber dan Wilson, 1995).

Teori Relevans mempunyai tiga prinsip utama, iaitu konteks, kesan konteks, dan juga usaha memproses. Menurut Sperber dan Wilson (1986 dan 1995), konteks merupakan satu set andaian pendengar tentang dunia yang dihasilkan melalui pembinaan psikologi. Dunia yang dimaksudkan ini bukanlah merujuk kepada keadaan planet atau keadaan muka bumi, namun dikaitkan dengan situasi yang dialami oleh individu. Tambahan pula, konteks tidak hanya terhad kepada persekitaran fizikal terdekat atau ujaran sebelumnya, tetapi juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, kenangan lucu dan juga andaian umum mengenai budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur yang turut memainkan peranan dalam penginterpretasian. Menurut Julaina Nopiah dan Nur Maisarah Nasrong (2020), persekitaran fizikal terdekat merujuk kepada hal yang berlaku dalam persekitaran individu, manakala ujaran sebelumnya merujuk kepada penutur yang menggunakan kesatuan dan wacana dalam ujarannya yang memudahkan urusan pendengar untuk mengembangkan konteks dan melakukan interpretasi.

Kesan konteks atau juga dikenali kesan kognitif merujuk kepada satu kesimpulan yang dihasilkan daripada dua gabungan elemen, iaitu konteks dan input. Nurerm Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan (2020) menjelaskan bahawa input merujuk kepada sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang ditunjukkan oleh penutur dan pendengar akan memproses input tersebut kepada proses kognitif. Bahasa mudahnya, input ialah ujaran yang dituturkan. Menurut Julaina Nopiah dan Nur Maisarah Nasrong (2020) menyatakan bahawa kesan konteks merupakan andaian awal yang dituturkan oleh penutur yang mengandungi maklumat relevan dengan diri pendengar. Jelaslah bahawa input atau andaian awal yang memberikan kesan konteks yang positif baru dianggap sebagai relevan. Oleh yang demikian, penutur mestilah memastikan ujaran yang dihasilkan relevan dengan pendengar dan juga konteks tersebut. Hal ini memudahkan pendengar melakukan interpretasi terhadap ujaran tersebut. Hal ini kerana sistem kognitif manusia hanya akan berkembang melalui maklumat yang mengandungi relevan yang maksimum (Sperber dan Wilson, 1986). Terdapat tiga cara bagi menjadikan ujaran dalam konteks tersebut mempunyai kesan konteks yang tinggi, iaitu gabungan, pengukuhan dan pengguguran. Penggabungan merujuk kepada pendengar akan menggabungkan andaian awal dengan maklumat baharu yang diberikan oleh penutur, manakala pengukuhan pula merujuk kepada pendengar akan mengukuhkan andaian awal dengan maklumat baharu yang diterima daripada penutur. Kedua-dua cara ini membantu pendengar memproses dan menginterpretasi dengan lebih mudah. Walau bagaimanapun, cara ketiga, iaitu pengguguran berlaku apabila timbulnya percanggahan antara andaian awal dengan maklumat baharu. Hal ini kerana dianggap andaian tersebut tiada potensi dan dianggap lemah dan kedua-dua maklumat ini akan dibuang.

Usaha memproses menunjukkan kemampuan pendengar untuk memahami dan menginterpretasi ujaran penutur. Menurut Sperber dan Wilson (1986 dan 1995), usaha memproses merujuk kepada jumlah masa yang diambil untuk pendengar memproses sesuatu. Hal ini boleh difahami bahawa usaha memproses yang rendah menjadikan ujaran tersebut lebih relevan.

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, pengkaji memilih dialog yang mengandungi implikatur dalam setiap episod drama Qanun 99. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menganalisis dua episod yang menarik untuk dianalisis, iaitu episod satu dan episod lima. Kedua-dua episod ini mempunyai cerita dan permasalahan yang unik dan kompleks. Justeru, dengan pemilihan kedua-dua episod ini pengkaji cuba untuk menginterpretasi makna ujaran implikatur menggunakan teori relevans.

Episod 1: Isteriku Lelaki

Episod 1 memaparkan sepasang suami isteri, iaitu Encik Malik memfaillkan pengesahan jantina isterinya, manakala Puan Hanisah ingin memfaillkan penceraian atas alasan tidak mampu menjalankan tanggungjawab sebagai isteri.

Jadual 1 Dialog antara Encik Malik dengan Peguam Bela

| Data D1 | Ujaran | Watak | Dialog |
|---------|--------|---------------|--|
| | U1 | Encik Malik | Pertama pasal dia selalu mengelak. Kami cuba untuk dapatkan anak tapi tak pernah melekat. Jadi saya ajak dia pergi check dengan doktor...dia tak nak. Meraung-raung dia nangis. Setiap kali saya ajak dia akan begitu. Lama-lama saya dah mula rasa curiga. Encik Malik sendiri macam mana? |
| | U2 | Peguam Bela 1 | |
| | U3 | Encik Malik | Saya ok...takde masalah apa. Saya dah pergi check dengan doktor. Saya boleh dapatkan anak. Jadi saya tak faham kenapa dia tak nak check dengan doktor. Saya bagi tahu dia kalau dia sanggup untuk treatment IVF, saya sanggup tanggung kos tapi dia tak nak. Macam-macam alasan dia bagi. |
| | U4 | Peguam Bela 1 | Adakah dia fobia untuk pergi ke hospital? |
| | U5 | Encik Malik | Tak...sebab dia pernah sakit eczema. Kedua, ada satu waktu tu kami sama-sama naik kereta dan nak ditakdirkan jarinya terkepit di pintu...jadi suaranya garau macam lelaki. Selepas kejadian tu saya dah mula rasa tak selesa. Isteri saya pun terasa jugaklah...minggu lepas dia keluar sampai sekarang dia tak balik. Saya sayang isteri saya encik Raof sebab dia isteri yang baik tapi macam mana kalau dia benar-benar lelaki? |
| | U6 | Peguam Bela 1 | Ada kemungkinan yang isteri encik Malik seorang khunsa. Sekiranya dia seorang khunsa, maka perkahwinan encik Malik dikira masih sah. Sekiranya isteri encik Malik seorang lelaki, maka dalam hukum syarak perkahwinan encik Malik terus terbubar... tapi kita kena buktikan yang encik Malik benar-benar lelaki. |
| | U7 | Encik Malik | Macam mana encik Raof? |
| | U8 | Peguam Bela 1 | Kita boleh gunakan mahkamah untuk keluarkan arahan supaya isteri encik Malik untuk pergi buat pemeriksaan perubatan untuk kita sahkan jantina dia”. |

Berdasarkan Jadual 1, encik Malik mengadu kepada peguam bela mengenai isterinya, puan Hanisah yang selalu menjauhkan diri. Namun, encik Malik tidak menerangkan dengan jelas alasan isterinya menjauhkan diri. Hal ini menyebabkan wujudnya unsur implisit dalam ujaran encik Malik. Bagi memahami maksud ujaran yang sebenar, konteks memainkan peranan penting bagi merungkai maksud sebenar. Berdasarkan konteks D1, encik Malik mengadu kepada peguam bela mengenai usahanya untuk membawa isterinya melakukan pemeriksaan kesihatan. Hal ini boleh difahami bahawa isterinya cuba untuk menjauhkan diri atau tidak ingin melakukan pemeriksaan kesihatan tersebut. Kata dasar bagi perkataan melekat ialah lekat yang merujuk kepada sesuatu benda yang tidak boleh berpisah atau tidak boleh ditanggalkan kerana ikatan atau telah dipaku. Namun demikian, ujaran encik Malik yang mengatakan bahawa mereka sudah berusaha untuk mendapatkan anak dengan perkataan melekat tidak boleh difahami dengan baik. Hal ini menunjukkan wujudnya unsur implisit dalam ujarannya. Oleh hal yang demikian, konteks ujaran perlu dirujuk bagi memahami maksud ujaran encik Malik. Berdasarkan konteks ini, hal ini boleh dirujuk sebagai proses implantasi blastosista, iaitu keadaan bola sel persenyawaan ovum dengan sperma yang akan melekat pada dinding rahim dan seterusnya berubah menjadi embrio (Muhammad Wa’iz, 2022). Hal ini sekali gus menjelaskan bahawa mereka susah untuk mendapatkan zuriat walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pasangan suami isteri ini. Garau merujuk kepada pita suara yang kebiasaannya dikaitkan dengan seseorang yang berjantina lelaki. Encik Malik mendakwa bahawa puan Hanisah mempunyai suara yang garau. Hal ini bertentangan dengan kebiasaan suara wanita. Hal ini menambahkan lagi kekeliruan atau kecurigaan encik Malik apabila suara isterinya bertukar garau apabila jarinya terkepit di pintu.

Jadual 2 Dialog dalam Episod 1

| Data D2 | Ujaran U9 | Watak Plaintif | Dialog |
|------------|--------------|-------------------|--|
| | | | Saya tertekan Encik Khalil..emosi saya terganggu sebab tak dapat nak jalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri. Bila abang Malik dapat tahu, daripada situlah hubungan kami jadi dingin. Encik Khalil kena faham, bukan saya tak sayangkan suami saya. |
| | U10 | Peguam Bela 2 | Takpe puan. Tak perlu nak terangkan. Saya faham. |
| | U11 | Plaintif | Kalau saya tak sayangkan suami saya, mesti saya tak buat macam ni. Jadi sebelum dia kawin dengan perempuan lain untuk dapatkan anak, ceraikan saya dulu sebab saya tak sanggup nak kongsi. |
| | U12 | Pembantu | Tapi puan boleh ambil anak angkatkan? |
| | U13 | Plaintif | Suami saya tak nak anak angkat. Kalau dia nak, takde lah masalah ni. Dia suruh saya pergi berubat, tapi saya tahu saya mandul. Saya dah bagi tahu suami saya tapi dia tak nak dengar. Jadi saya dah buat <i>research</i> sendiri, dan saya boleh tebus talak untuk cerai suami saya...dan saya akan lakukan. |

Konteks bagi episod pertama diperoleh daripada tajuk episod iaitu “Isteriku Lelaki”. Berdasarkan tajuk episod sahaja telah menunjukkan terdapatnya unsur implikatur. Hal ini boleh difahami bahawa seorang isteri mestilah berjantina perempuan tetapi konteks episod ini berlawanan dengan lumrah perhubungan perkahwinan. Isunya bermula apabila timbulnya keraguan suaminya, encik Malik terhadap status jantina isterinya, puan Hanisah. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam D1 U1 bahawa timbulnya perasaan curiga terhadap isterinya lalu encik Malik mendapatkan perkhidmatan guaman untuk mendapatkan pengesahan status jantina isterinya. Oleh hal yang demikian, kesan konteks itu perlu dirujuk bagi mengetahui cara pihak peguam mengendalikan kes ini sebelum membuat sebarang keputusan.

Jadual 3 Dialog dalam Episod 1

| Data D3 | Ujaran | Watak | Dialog |
|------------|--------|---------------|---|
| | U14 | Plaintif | Saya tak nak berbincang, saya tak nak rujuk, saya tak nak cuba. |
| | U15 | Peguam Bela 2 | Tapi ini perintah mahkamah. Kita kena turutkan. |
| | U16 | Plaintif | Saya tak nak. Saya tak nak jumpa dia lagi. |
| | U17 | Peguam Bela 2 | Betul...tapi kalau dah perintah mahkamah, kita tak boleh ingkar. |
| | U18 | Plaintif | Kenapalah dia kena buat benda ni susah? Saya cuma nak bayar dia dan blaah. |
| | U19 | Peguam Bela 2 | Ok takpe. Kita berbincang dulu dan kita teruskan dengan proses bercerai. |
| | U20 | Plaintif | Tolonglah Encik Khalil...lepaskan saya daripada suami saya. Saya tak mau dah. Dulu abang Malik pernah puluk saya sebab dia jumpa <i>pregnancy test</i> negatif...mengamuk dia...punyalah teruk dia puluk...saya rasa macam kena lauk. |
| | U21 | Peguam Bela 2 | Jangan risau puan Hanisah. Kita pergi perbincangan itu dulu dan kami akan temankam puan. |
| | U22 | Plaintif | Ehhh...lipas!” (suara plaintif bertukar garau apabila terkejut melihat lipas, peguam bela 2 dan pembantunya melihat antara satu sama lain dengan pandangan yang pelik). |

Terdapat empat kesan konteks utama yang telah membuktikan status jantina isterinya. Kesan konteks yang pertama boleh dirujuk dalam D1 U1 iaitu encik Malik curiga atas status jantina isterinya. Kesan konteks ini dikukuhkan dengan implikatur “mengelak” dalam D1 U1 iaitu “Pertama pasal dia selalu mengelak”. Makna eksplikatur “mengelak” tidak mampu merungkaikan dengan lebih lanjut mengenai alasan utama puan Hanisah menjauhkan diri. Namun kesan konteks ini dikukuhkan dalam U1, iaitu encik

Malik meminta isterinya melakukan pemeriksaan kesihatan kesuburan tetapi setiap ajakannya akan ditolak dan isterinya tidak akan memberikan kerjasama. Pengukuhan kedua pula ialah usaha encik Malik dan puan Hanisah untuk mendapatkan anak tetapi tidak pernah berhasil. Hal ini boleh dirujuk dalam U1 iaitu “Kami cuba untuk dapatkan anak tapi tak pernah melekat”. Penggunaan melekat di sini bukanlah merujuk kepada sesuatu benda yang dipaku atau diikat tetapi merujuk kepada proses implantasi blastosista yang akan melekat di dinding rahim dan akan berubah menjadi embrio (Muhammad Wa’iz, 2022).

Pada masa yang sama, Encik Malik juga sanggup untuk menanggung segala kos rawatan termasuklah rawatan *In Vitro Fertilization* (IVF) atau bayi tabung uji jika isterinya benar-benar mengalami kesukaran untuk mengandung. Rawatan ini merupakan satu teknologi yang membantu pasangan yang mempunyai masalah kesuburan untuk mendapatkan zuriat melalui persenyawaan ovum dan sperma di luar badan (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014). Walau bagaimanapun, isterinya masih lagi enggan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan kesuburan sehingga menangis seperti dalam U1 iaitu “Meraung-raung dia nangis. Setiap kali saya ajak dia akan begitu. Lama-lama saya dah mula rasa curiga”. Oleh itu, hal ini dapat difahami bahawa dua pengukuhan tersebut iaitu “mengelak” dan “tak pernah melekat” menyumbang kepada keraguan encik Malik terhadap status jantina isterinya.

Kesan konteks yang kedua yang boleh dirujuk dalam D1 U5 iaitu “...ditakdirkan jarinya terkepit di pintu...jadi suaranya garau macam lelaki” yang menjadi penyumbang utama kecurigaan encik Malik terhadap status jantina isterinya. Suaranya yang dilontarkan amat berlawanan dengan lumrah suara seorang perempuan. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (2020), manusia akan mengalami perubahan pada pita suara apabila semakin meningkat umur. Hal ini berlaku apabila struktur pita suara memanjang iaitu pita suara lelaki memanjang 0.7mm, manakala perempuan pula 0.4mm setiap tahun. Hal ini menyebabkan frekuensi suara lelaki dan perempuan juga mempunyai perbezaan. Lelaki mempunyai frekuensi yang lebih rendah iaitu 120Hz yang menjadikan suara lelaki lebih besar dan garau, manakala frekuensi suara perempuan lebih tinggi, iaitu 210Hz yang menyebabkan suaranya lebih halus dan kecil. Hal ini telah membuktikan lontaran suara puan Hanisah yang garau sangat bertentangan dengan kebiasaan suara wanita.

Walau bagaimanapun, puan Hanisah menyerang balas terlebih dahulu dengan memfailkan penceraian secara tebus talak sebelum encik Malik mampu untuk memfailkan kes pengesahan jantina isterinya. Hal ini dapat dilihat melalui U9, iaitu “...emosi saya terganggu sebab tak dapat nak jalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri”. Daripada U9 ini jelaslah bahawa puan Hanisah tidak memainkan peranan sebagai seorang isteri kepada encik Malik, iaitu tidak dapat melahirkan zuriat kepada suaminya. Hal ini kerana puan Hanisah sudah mengakui dirinya tidak boleh mengandung dalam U13, iaitu “Dia suruh saya pergi berubat, tapi saya tahu saya mandul”. Namun demikian, encik Malik masih menyuruh Puan Hanisah mendapatkan rawatan kesuburan. Tekanan daripada suaminya yang menginginkan zuriatnya sendiri dan enggan mengambil anak angkat menyebabkan puan Hanisah mengambil keputusan untuk bercerai secara khuluk. Oleh itu, peguam belanya, iaitu encik Khalil (pegawai bela 2) terus memfailkan kes penceraian terhadap Encik Malik.

Namun begitu, mahkamah memutuskan untuk menerima cadangan daripada peguam bela encik Malik untuk “berbaik” dengan puan Hanisah sebelum meneruskan proses penceraian. Hal ini adalah salah satu strategi peguam bela encik Malik untuk melengahkan proses penceraian yang diminta oleh puan Hanisah. Hal ini membuktikan bahawa terdapatnya unsur penggabungan kesan konteks dalam episod ini. Hal ini kerana encik Malik masih berusaha untuk mencari kebenaran mengenai jantina isterinya dengan menggunakan strategi melengahkan proses penceraian. Pengukuhan kesan konteks ditambah dengan penggunaan istilah kena lauk dalam U20 iaitu “Dulu abang Malik pernah pukul saya sebab dia jumpa pregnancy test negatif...mengamuk dia...punyalah teruk dia pukul...macam kena lauk”. Puan Hanisah

menggunakan eksplikatur “kena lauk” untuk menggambarkan perbuatan keganasan suaminya terhadap dirinya. Kesan konteks ini dikukuhkan lagi dalam U22 iaitu suara puhan Hanisah bertukar menjadi garau apabila terkejut melihat seekor lipas. Konteks ini menimbulkan keraguan kepada peguam bela 2 dan pembantunya berdasarkan riak muka mereka.

Jadual 4 Dialog dalam Episod 1

| Data D4 | Ujaran | Watak | Dialog |
|------------|--------|---------------|---|
| | U23 | Plaintif | Lafaz talak dekat sini ke? Bukan di mahkamah? |
| | U24 | Peguam Bela 2 | Tak perlu di mahkamah dan tak perlu ada saksi. Puan Hanisah dulu sekolah di mana? |
| | U25 | Plaintif | Excuse me? |
| | U26 | Peguam Bela 2 | You heared me. |
| | U27 | Plaintif | Sekolah Menengah Sains Teluk Nakhoda |
| | U28 | Peguam Bela 2 | Boleh Puan tunjukkan gambar Puan dalam year book ni? (sambil menunjukkan buku gambar pelajar Sekolah Menengah Sains Teluk Nakhoda tahun 1995). |
| | U29 | Plaintif | Ini bukan batch saya |
| | U30 | Peguam Bela 2 | Dalam ni? Takde? Mungkin ada dalam yang ini?” (sambil menunjukkan album gambar pelajar Maktab Sultan Alauddin Riawat Syah tahun 1995). |
| | U31 | Peguam Bela 1 | Khalil...untuk apa semua ni? |
| | U32 | Peguam Bela 2 | Rao...Encik Malik...Puan Hanisah merupakan pelajar di Maktab Sultan Alauddin Riayat Syah. Semua pelajar sekolah tu adalah lelaki dan Puan Hanisah adalah lelaki”. |
| | U33 | Plaintif | Abang, saya nak bagi tahu abang sebenarnya. |
| | U34 | Defendant | Kau jangan panggil aku abang. |
| | U35 | Plaintif | Abang kena tahu saya sayang abang. |
| | U36 | Defendant | “Kau jangan panggil aku abang. Aku tak nak tengok muka kau lagi...kerana kau empat tahun aku hidup bergelumang dengan dosa. Dosa kau tahu tak? Cuba kau fikir mana aku nak hadap muka aku ni? Mana aku nak hadap dengan ahli keluarga aku? Dengan orang luar? Kau buat aku rasa jijik dengan diri sendiri”. |

Daripada kesan konteks U20 dan U22 yang diperkuuh, peguam bela 2 dan pembantunya berusaha untuk menentukan jantina anak guamnya dengan cara mengimbas semula konteks kes yang pernah dikendalikannya yang melibatkan bekas pelajar Maktab Sultan Alauddin Riayat Syah yang menggunakan istilah “kena lauk” semasa perbicaraan mahkamah. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Sperber dan Wilson (1986;1995) bahawa kesan konteks merujuk kepada situasi atau pengalaman yang dialami oleh seseorang individu. Hal ini kerana istilah “kena lauk” hanya digunakan dalam kalangan pelajar asrama lelaki di Maktab Sultan Alauddin Riayat Syah. Tambahan pula, peguam bela 2 telah mengingat kembali penggunaan perkataan “kena lauk” yang memberi maksud keganasan. Hal ini secara tidak langsung membuktikan kenyataan Julaina Nopiah dan Nur Maisarah Nasrong (2020), bahawa perkataan yang tersimpan dalam memori seseorang membantu dalam perkembangan konteks dan pengukuhan kesan konteks.

Seterusnya, peguam bela 2 juga mengimbas kembali konteks puhan Hanisah tidak memberikan sebarang respon semasa pertanyaan pembantu peguam belanya mengenai tahun graduasi puhan Hanisah di Sekolah Menengah Teluk Nakhoda. Hal ini kerana pembantu peguam belanya merupakan bekas pelajar sekolah tersebut. Konteks imbasan kembali yang ketiga ialah konteks suara puhan Hanisah yang bertukar menjadi garau dalam U22 kerana terkejut melihat lipas. Kecekapan peguam bela 2 untuk menggabungkan ketiga-tiga teknik imbasan kembali terhadap tiga konteks yang pernah lalui telah membantu merungkaikan perkara sebenar di sebalik kes penceraian yang ingin difailkan oleh puhan Hanisah. Hal ini

sangat bertepatan dengan Teori Relevans (1986) kerana konteks tidak terhad kepada situasi yang sedang berlaku sahaja, malah konteks juga merujuk kepada pengalaman lepas dan juga catatan perkataan yang terdapat dalam memori seseorang (Sperber dan Wilson, 1986;1995, Julaina Nopiah dan Nur Maisarah Nasrong, 2020). Hal ini memudahkan seseorang untuk mengembangkan konteks dan melakukan penginterpretasian. Hal ini telah dilakukan oleh peguam bela 2 dalam menentukan jantina sebenar anak guamannya, Puan Hanisah.

Daripada konteks dan kesan konteks yang telah dianalisis, jelaslah menunjukkan bahawa penggunaan implikatur dalam kes jenayah dapat memberikan implikasi yang besar terutamanya dalam menentukan kebenaran sesuatu kes. Berdasarkan episod satu ini, jelaslah membuktikan bahawa pengukuhan konteks melalui linguistik sangat membantu terutamanya dalam komunikasi dan pengukuhan kesan konteks. Pengukuhan yang dibuat dan diperoleh membolehkan peguam bela menyelesaikan masalah dalam episod satu ini dengan jayanya.

Daripada kesan konteks yang diperoleh dan diperkuuh, usaha memproses bagi episod ini adalah rendah dan akhirnya pengakuan daripada plaintif telah dilakukan, iaitu puan Hanisah mengaku status jantinanya apabila peguam belanya sendiri menunjukkan bukti album gambar tahunan Maktab Sultan Alauddin Riayat Syah kepada puan Hanisah. Hal ini dikukuhkan lagi apabila encik Malik mengujarkan perkataan “jijik” dalam D4 U36 apabila puan Hanisah memanggilnya “abang”. Panggilan “abang” selalu digunakan oleh seorang isteri kepada suaminya. Namun, encik Malik membala panggilan tersebut dengan “jijik” telah mengukuhkan bukti bahawa encik Malik sudah berkahwin dengan sama jantina selama empat tahun. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (2022), perkahwinan merupakan satu akad yang menghalalkan hubungan lelaki dan perempuan untuk hidup bersama. Secara tidak langsung, perkataan jijik merujuk kepada perbuatan bersetubuh dengan sama jantina. Kesan konteks ini juga digabungkan dengan perkataan “dosa” yang menunjukkan Islam melarang sekeras-kerasnya dan melaknat hubungan homoseksual ini. Hal ini boleh dilihat melalui dua hukuman bagi hubungan homoseksual yang telah diutarakan dalam Islam iaitu direjam sehingga mati jika sudah berkahwin atau disebat 100 sebatan dan dibuang negeri selama setahun (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017). Hal ini menyebabkan perkahwinan suami isteri ini terbatal kerana Islam hanya mengiktiraf pernikahan antara lelaki dengan perempuan. Oleh hal yang demikian, usaha memproses bagi episod ini adalah sangat rendah. Hal ini kerana setiap kesan konteks dikukuhkan dan digabungkan dengan ujaran dan juga pengalaman lepas daripada pihak defendant sendiri dan juga peguam bela.

Episod 5: Wasiat SMS

Episod ini memaparkan seorang kawan baik kepada si mati, iaitu cik Sofea yang ingin memfailkan pengesahan hak wasiat ke atas anak angkat si mati, tetapi mendapat tentangan daripada keluarga si mati. Konteks episod ini sangat mudah difahami jika melihat kepada eksplikatornya. Hal ini kerana “wasiat” merujuk kepada peninggalan harta pusaka atau pesanan terakhir daripada individu yang telah meninggal dunia, manakala “SMS” pula merujuk kepada khidmat pesanan ringkas yang dihantar melalui telefon bimbit (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Hal ini dapat difahami bahawa pesanan terakhir diberikan melalui medium khidmat pesanan ringkas. Secara tidak langsung, hal ini menjadi punca timbulnya satu isu mengenai pengesahan tuntutan wasiat untuk anak angkat di bawah jagaan si mati.

Berdasarkan ujaran plaintif dalam U48, iaitu “Rizky tidak beri apa-apa wasiat. Dia hanya hantar voicemail dan Whatsapp sahaja”. Si mati memberikan amanah kepada cik Sofea untuk menjaga anak angkatnya, Aiman dan juga memastikan Aiman menerima hak ke atas hartanya. Hal ini bertambah rumit apabila keluarga si mati tidak mahu membahagikan harta si mati kepada anak angkat si mati. Hal ini boleh

dirujuk dalam U44, iaitu "...kakak Rizky dengan adik beradiknya akan usahakan yang semua harta arwah Rizky akan jadi milik adik beradik dan Aiman tak akan dapat apa-apa pun". Hal ini menyebabkan cik Sofea mengambil keputusan untuk memfaillkan kes tuntutan pengesahan wasiat untuk Aiman. Oleh hal yang demikian, kesan konteks perlu diteliti untuk melihat cara encik Khalil sebagai peguam bela dan pihak mahkamah mengendalikan kes tuntutan pengesahan wasiat yang tidak mempunyai bukti bertulis serta keengganhan keluarga si mati membahagikan harta kepada anak angkat.

Jadual 5 Dialog dalam Episod 5

| Data D5 | Ujaran | Watak | Dialog |
|---------|--------|--------------|---|
| | U37 | Encik Khalil | Jadi, apa yang saya boleh bantu sekarang? |
| | U38 | Cik Sofea | Arwah bujang. Masa tu mungkin dia terlalu sibuk nak cari duit sampai dia takde masa nak cari pasangan hidup. Dan masa dia umur 31 tahun, dia ambik anak angkat, Aiman. |
| | U39 | Cik Zaharah | So, apa masalahnya? |
| | U40 | Cik Sofea | Saya jaga Aiman, tapi saya tumpangkan Aiman dekat rumah kakak Ricky sebab saya kena pergi overseas, London ada business trip. So, bila saya balik dari London, saya terus pergi rumah kakak Ricky, tapi Aiman takde. |
| | U41 | Cik Zaharah | Apa jadi dekat Aiman? |
| | U42 | Cik Sofea | Kakak Rizky bawak Aiman pergi Jabatan Kebajikan. Sekarang ni Aiman ada dekat rumah anak yatim Seri Murni. |
| | U43 | Cik Zaharah | Ya Allah. Sampai hati ya dorang buat macam tu. |
| | U44 | Cik Sofea | Bila saya jumpa dengan kakak Ricky, kaka Ricky dengan adik beradiknya akan usahakan yang semua harta arwah Ricky akan jadi milik adik beradik dan Aiman tak akan dapat apa-apa pun. |
| | U45 | Cik Zaharah | Ok. Dalam hal ni hak sebagai adik beradik tak dapat dipertikaikan. Yelah, kita orang luarkan. Kita tak boleh nak ada apa-apa argument. |
| | U46 | Cik Sofea | Itu bukan hak mereka. Ricky dah suruh saya jaga Aiman dan pastikan semua harta Ricky pergi ke Aiman sahaja bukan adik beradiknya. |
| | U47 | Cik Zaharah | Tapi kalau ada wasiat, kita tak boleh melawan wasiat si mati. |
| | U48 | Cik Sofea | Itulah masalah saya cik Zaharah. Ricky tidak beri apa-apa wasiat. Dia hanya hantar voicemail dan whatsapp sahaja. Tolonglah cik Zaharah. Aiman berhak dapat harta Ricky bukan adik beradiknya. |
| | U49 | Cik Zaharah | Takpe, tak pe. Jangan risau. Saya rasa kita boleh tanyakan hal ini kepada Encik Khalil. |
| | U50 | Encik Khalil | Sebelum saya menerima atau menolak apa-apa kes, saya terlebih dahulu perlu tahu apa niat sebenarnya? Saya ulang sekali lagi...apa niat kamu? |
| | U51 | Cik Sofea | Tak faham |
| | U52 | Encik Khalil | Ok...berapa agak-agak anggaran harta yang dimiliki oleh Ricky Ferari? |
| | U53 | Cik Sofea | Lebih kurang 5 juta |
| | U54 | Encik Khalil | Ok... berapa awak agak boleh dapat kalau menang kes ini? ...dan apa untung atas angin kamu? |
| | U55 | Cik Sofea | What? How dare you? Kawan baik saya baru sahaja meninggal dunia. Anak angkat dia, Aiman tu dah macam anak saya sendiri. Saya jaga Aiman macam anak saya sendiri. Saya mempertahankan Aiman yang saya sayang tu sebab bukan pasal untung ke apa semua tu. Langsung takde. How dare you could do this?" |
| | U56 | Encik Khalil | Inilah reaksi yang saya cari. Cik Sofea...saya terima kes ini. |

Terdapat dua kesan konteks yang membantu peguam bela dan pihak mahkamah menyelesaikan kes ini. Kesan konteks yang pertama adalah mengenal pasti plaintif disebalik tuntutan pengesahan wasiat ke atas anak angkat si mati, Aiman yang sekarang di bawah jagaan plaintif. Peguam bela 2, Encik Khalil menyoalkan soalan mengenai niat sebenar plaintif dalam D5 U50 iaitu "...saya terlebih dahulu perlu tahu apa niat sebenarnya?". Hal ini disebabkan si mati tidak meninggalkan wasiat bertulis yang boleh menjadi

bukti kukuh terhadap penuntutan wasiat tersebut. Hal ini kerana anak angkat tidak tersenarai dalam penerimaan harta pusaka ayah atau ibu angkat kecuali mempunyai wasiat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Tambahan pula, ujaran cik Sofea dalam U53 yang mengetahui anggaran harta yang dimiliki si mati sebanyak 5 juta ringgit yang telah menyebabkan encik Khalil terus bertanyakan soalan yang berbaur sindiran kepada cik Sofea dalam U54, iaitu “Berapa awak agak boleh dapat kalau menang kes ini? ...dan apa untung atas angin kamu?”. Berdasarkan konteks D5, ujaran ini boleh difahami sebagai sindiran atau provokasi encik Khalil kepada cik Sofea bagi mengetahui niat sebenar plaintif. Walau bagaimanapun, provokasi ini dikukuhkan dengan reaksi cik Sofea yang menyangkal sekeras-kerasnya. Hal ini boleh dilihat dalam D5 U55, iaitu “Saya mempertahankan Aiman yang saya sayang tu sebab bukan pasal untung ke apa semua tu. Langsung takde. How dare you could do this?”. Pada masa yang sama, kesan konteks ini juga dikukuhkan dengan bantahan daripada pihak plaintif tentang tuduhan peguam bela defendant dalam perbicaraan mahkamah yang mengatakan plaintif ingin memperoleh kekayaan dengan jalan mudah. Menurut Nurerma Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan (2020) pengukuhan ini membantu peguam bela untuk menginterpretasi makna dengan lebih baik. Tambahan pula, pengukuhan yang kedua boleh dilihat dalam ujaran U55 yang menunjukkan sikap plaintif bersungguh menolak segala tuduhan pihak peguam bela defendant. Hal ini sekali gus menyebabkan encik Khalil sanggup untuk menerima kes tersebut dan membantu cik Sofea untuk memperoleh hak harta ke atas anak angkat si mati.

Jadual 6 Dialog dalam Episod 5

| Data D6 | Ujaran | Watak | Dialog |
|---------|--------|--------------|--|
| | U57 | Encik Khalil | Cik Sofea. Boleh ceritakan kepada mahkamah yang mulia ini tentang Aiman Abdullah? Anak angkat Rizky Muhammad Zaman atau lebih dikenali sebagai Ricky Ferari. |
| | U58 | Cik Sofea | Ricky, maksud saya Rizky bin Muhammad Zaman. Dulu ada seorang maid yang berasal dari Padang, Indonesia yang mengandung dan suaminya ada di kampung. |
| | U59 | Encik Khalil | Kemudian, apa yang terjadi? |
| | U60 | Cik Sofea | Maid tu tak nak kandungan dia sebab dia takde siapa dekat sini. Dia nak gugurkan kandungan tut api Rizky berjaya yakinkan dia supaya simpan anak tu dan berjanji akan bela anak tu sebagai anak angkat. |
| | U61 | Encik Khalil | Kenapa Rizky Muhammad Zaman lebih rela bagi hartanya kepada anak angkat dan bukan darah daging yang juga warisnya? |
| | U62 | Cik Sofea | Sebab keluarga Rizky tak pernah terima Ricky. Mereka benci Ricky. Ricky dibuang oleh keluarganya sendiri. Dilupakan oleh mereka. Lebih dari enam tahun mereka tak pernah berjumpa, tak pernah bercakap sebab tu bila saya dapat tahu yang mereka nak tuntut semua harta Ricky saya tak sampai hati. Saya tak puas hati sebab Ricky pernah cakap dengan saya yang keluarganya begitu zalim terhadapnya. |
| | U63 | Encik Khalil | Boleh ceritakan pada mahkamah bagaimana cik Sofea tahu berniat untuk berikan hartanya kepada anak angkatnya, Aiman Abdullah. |
| | U64 | Cik Sofea | Lima bulan lalusaya terima whatsapp dan voice message dari arwah Ricky tentang niat dan hasratnya. |
| | U65 | Encik Khalil | Saya ingin menarik perhatian mahkamah kepada bahan bukti, iaitu transkrip mesej whatsapp yang nombornya didaftarkan di bawah nama si mati. Yang Arif, izinkan saya menyuruh anak guam saya membacakannya. |

Pesanan ringkas: “Babe...aku ni. Aku tak boleh tidur. Rasa lain macam je dua tiga hari ini. Aku nak mintak favour kalau aku mati kau kena janji yang kau akan jaga Aiman. Kau kena pastikan yang harta aku semua pergi dekat dia. Kau janji. Aku wasiatkan harta aku miliki ini untuk anak aku, Aiman. Please babe. Please help okay?”

Pesan suara: "Babe...aku ni. Sorry kacau kau lagi. Aku rasa tak sedap hatilah. Lain macam je ni. Aku nak buat statement ni. Aku nak kau simpan voicemail aku ni. Aku, Rizky Muhammad Zaman ingin menyerahkan harta aku kepada Aiman Abdullah yang merupakan anak angkat aku. Aku juga amanahkan Nur Sofea Hasnul untuk menjaga Aiman dan memastikan hartaku diberikan kepadanya

Jadual 7 Dialog dalam Episod 5

| Data D7 | Ujaran | Watak | Dialog |
|---------|--------|--------------|--|
| | U66 | Cik Zaharah | Habis tu apa yang cik Sofea risau sangat? |
| | U67 | Cik Sofea | Yang saya risau, sejak kecil lagi, sejak Aiman dilahirkan lagi dia tak pernah berjauhan dengan saya atau arwah. Never. Tak pernah langsung. Sebab tu bila semalam dekat mahkamah saya terasa sangat bila lawyer kak Rashidah cakap macam tu dengan saya. |
| | U68 | Cik Zaharah | Biasalah cik Sofea. Peguamkan kalau dia nak bela nak guam dia memanglah dia keras sikit. Cik Sofea faham jelah ya. |
| | U69 | Cik Sofea | Yes. Saya faham. I understand but saya bukan pisau cukur yang nak ambil kesempatan dekat orang. Saya tak pernah terfikir nak ambil kesempatan dekat orang. Never. I iklas. Cik Zaharah faham tak? |
| | U70 | Encik Khalil | Yang penting kamu tahu kamu iklas dan Aiman pun tahu. |

Jadual 8 Dialog dalam Episod 5

| Data D8 | Ujaran | Watak | Dialog |
|---------|--------|---------------|---|
| | U71 | Encik Khalil | Boleh ceritakan kepada mahkamah, kenapa hubungan si mati dengan keluarga puan renggang? |
| | U72 | Puan Rashidah | Saya... saya tak ingat. |
| | U73 | Encik Khalil | Benarkan saya untuk mengingatkan puan. Benarkah sebab utama adalah kerana arwah bapa anda tidak bersetuju si mati menjadi perancang perkahwinan ataupun pak andam? |
| | U74 | Puan Rashidah | Mungkin |
| | U75 | Encik Khalil | Ya atau tidak? |
| | U76 | Puan Rashidah | Ya, betul. |
| | U77 | Encik Khalil | Jadi arwah bapa anda memutuskan hubungan dengan si mati? |
| | U78 | Puan Rashidah | Ya betul. |
| | U79 | Encik Khalil | Dan sepanjang puan Rashidah dan adik menjaga arwah ibu dan bapa, adakah puan bekerja? |
| | U80 | Puan Rashidah | Tidak. |
| | U81 | Encik Khalil | Adik puan? |
| | U82 | Puan Rashidah | Tidak. |
| | U83 | Encik Khalil | Jadi siapa yang memberikan perbelanjaan bulanan? Suami puan ke? |
| | U84 | Puan Rashidah | Bukan suami saya. Adik saya belum berkahwin masa tu. |
| | U85 | Encik Khalil | Jadi mana anda dapat perbelanjaan untuk menjaga arwah ibu dan bapa? |
| | U86 | Puan Rashidah | Arwah Rizky bagi. |
| | U87 | Encik Khalil | Minta maaf, boleh ulang dan kuat sikit supaya mahkamah dengar. |
| | U88 | Puan Rashidah | Arwah Rizky bagi. |
| | U89 | Encik Khalil | Walaupun dia tidak diterima oleh arwah bapa, si mati tetap menjalankan tanggungjawab sebagai seorang anak, bukan? Bukannya meninggalkan anda sekeluarga 'terkontang-kanting' seperti yang puan nyatakan tadi. |
| | U90 | Puan Rashidah | Ya betul. |
| | U91 | Encik Khalil | Betulkah si mati telah memberikan sejumlah wang RM2000 sepanjang 3 tahun pertama? |
| | U92 | Puan Rashidah | Ya betul. |
| | U93 | Encik Khalil | Dan benarkah 3 tahun lepas perbelanjaan tersebut meningkat menjadi RM7000? |
| | U94 | Puan Rashidah | Ya betul. |
| | U95 | Encik Khalil | Betulkah si mati pernah berbual telefon dengan anda dan memberitahu anda yang wang perbelanjaan yang diberikan meningkat disebabkan anak angkatnya, Aiman Abdullah pembawa rezeki yang banyak? |
| | U96 | Puan Rashidah | Mana encik tahu semua ni? |

Bukan itu sahaja, kesan konteks yang pertama juga digabungkan dengan ujaran plaintif dalam D6 U69, iaitu “saya bukan pisau cukur yang nak ambil kesempatan dekat orang”. Secara implisitnya, ujaran ini dapat difahami bahawa plaintif bukanlah seorang perempuan yang hendak mengikis harta lelaki, tetapi hanya menjalankan amanah yang telah diberikan oleh si mati. Di samping itu, niat sebenar plaintif dikukuhkan lagi dalam perbicaraan mahkamah melalui ujarannya dalam U62 iaitu “sebab keluarga Rizky tak pernah terima Rizky. Mereka benci Rizky. Rizky dibuang oleh keluarganya sendiri... dilupakan oleh mereka. Lebih dari 6 tahun mereka tak pernah berjumpa, tak pernah bercakap. Sebab tu bila saya dapat tahu yang mereka nak tuntut semua harta Rizky, saya tak sampai hati... saya tak puas hati sebab Ricky pernah cakap dengan saya yang keluarganya begitu zalim terhadapnya”. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan si mati dengan keluarga tidak baik. Hal ini dibuktikan dalam U76 iaitu defendant mengaku “Ya” semasa peguam bela plaintif bertanyakan soalan dalam U73, iaitu “Jadi arwah bapa anda memutuskan hubungan dengan si mati?”. Hal ini sekali gus dapat difahami bahawa hubungan si mati dengan keluarga terputus disebabkan kerjaya sebagai seorang pak andam. Oleh hal yang demikian, kesan konteks pertama telah berjaya menunjukkan niat sebenar plaintif untuk memastikan harta si mati juga dibahagikan kepada anak angkatnya.

Kontradiksinya, pihak defendant melakukan serangan balik bahawa arwah adiknya, Rizky tidak memikul tanggungjawab untuk menjaga kedua ibu bapanya yang sakit. Hal ini boleh dilihat dalam D9 U100, iaitu “Saya dengan adik saya yang jaga sedangkan Rizky tak pernah muncul sekalipun apatah lagi nak angkat satu jari tolong”. Berdasarkan ujaran tersebut, “angkat satu jari tolong” telah terdapatnya unsur implisit. Hal ini kerana eksplikaturnya sahaja tidak mampu menjelaskan dengan lebih mendalam. Jika merujuk kepada konteks D9, perumpamaan ini boleh difahami bahawa pertolongan yang mudah juga tidak dilakukan oleh si mati. Hal ini kerana untuk mengangkat satu jari adalah sangat mudah tetapi pertolongan semudah itu pun tidak mampu dilakukan oleh si mati. Hal ini telah menjadi alasan utama pihak defendant tidak mahu membahagikan harta kepada anak angkat si mati. Hal ini boleh dirujuk dalam U104 yang menyatakan “Budak tu orang asing, bukan darah daging dia. Dia tak berhak dapat walau sesen pun”, telah menunjukkan penolakan kepada tuntutan pengesahan wasiat ke atas anak angkat si mati walaupun bukti salinan pesanan ringkas dan pesanan suara daripada si mati kepada plaintif melalui aplikasi Whatsapp dibentangkan dalam mahkamah.

Jadual 9 Dialog dalam Episod 5

| Data | Ujaran | Watak | Dialog |
|-----------|--------|--------------|---|
| D9 | U97 | Encik Khalil | Bagaimana hubungan puan berdua? |
| | U98 | Defendant | Biasa je. |
| | U99 | Encik Khalil | Boleh puan terangkan dengan lebih jelas? |
| | U100 | Defendant | Rizky tak pernah libatkan diri dalam hal keluarga. Mak dengan ayah saya sakit. Saya dengan adik saya yang jaga sedangkan Rizky tak pernah muncul sekalipun apatah lagi nak angkat satu jari tolong. |
| | U101 | Encik Khalil | Apa perasaan puan ketika itu? |
| | U102 | Defendant | Sedih dan marah tapi arwah mak selalu cakap ‘biarlah Rizky. Dia cuba nak kembangkan karier dia’. Saya dengan adik saya siang malam yang cuci darah, najis dan nanah. Kami bersusah payah juga mak kami bukan dia. Dia tak ambik kisah pun jadi dia memang berhutang dengan kami. Kalau bukan kerana kami juga mak dengan ayah kami, dia tak akan kaya macam ni. |
| | U103 | Encik Khalil | Jadi puan tidak bersetuju harta si mati diserahkan kepada anak angkatnya? |
| | U104 | Defendant | Memang saya tak setuju langsung. Dia sibuk nak jaga budak tu. Siang malam dengan budak tu, sedangkan mak dengan ayah terlantar dekat rumah, terkontang-kanting. Dia tak ambil kisah pun. Budak tu orang asing, bukan darah daging dia. Dia tak berhak dapat walau sesen pun. |
| | U105 | Encik Khalil | Itu sahaja Yang Arif. |

Walau bagaimanapun, pihak peguam bela plaintiff juga melakukan serangan balas kepada kenyataan pihak defendant. Hal ini boleh dilihat melalui kesan konteks yang kedua dalam D8 yang memfokuskan konteks duit perbelanjaan yang diberikan oleh si mati kepada keluarganya. Hal ini boleh dirujuk kepada pertanyaan peguam bela plaintiff dalam U83, iaitu “Jadi mana dapat perbelanjaan untuk menjaga arwah ibu dan bapa?”. Hal ini telah menyebabkan defendant terpaksa mengaku di dalam mahkamah bahawa si mati ada menyara kehidupan keluarganya dengan memberikan bantuan perbelanjaan setiap bulan sebanyak RM2,000 (U91) sewaktu defendant dan adik defendant tidak bekerja. Kesan konteks ini dikukuhkan lagi dengan imbasan kembali konteks yang pernah dilalui oleh plaintiff. Hal ini boleh dilihat dalam D8, iaitu plaintiff ada bersama si mati semasa panggilan telefon dibuat mengenai penambahan duit belanja kepada keluarganya. Hal ini kerana si mati berpendapat menjaga anak angkat menambahkan pendapatannya. Hal ini boleh dilihat dalam U93 semasa peguam bela plaintiff bertanyakan kepada defendant tentang wang perbelanjaan yang diberikan oleh si mati semakin bertambah sehingga RM7,000 sebulan, iaitu “...memberitahu anda yang wang perbelanjaan yang diberikan meningkat disebabkan kehadiran anak angkatnya, Aiman Abdullah, pembawa rezeki yang banyak?”. Hal ini dengan jelas dapat difahami bahawa anak angkat si mati, Aiman Abdullah merupakan salah satu punca perniagaan si mati semakin maju.

Jadual 10 Dialog dalam Episod 5

| Data D10 | Ujaran U106 | Watak Hakim | Dialog |
|-------------|----------------|----------------|---|
| | | | Setelah mahkamah meneliti dan menilai semua keterangan dan bukti-bukt yang diberikan kepada mahkamah yang mulia ini. Maka dengan ini, mahkamah telah memutuskan bahawa kes wasiat si mati, Rizky bin Muhammad Zaman kepada Aiman Abdullah adalah sah mengikut hukum syarak. Maka dengan ini, mahkamah memerintahkan 1/3 daripada harta si mati diserahkan kepada penerima wasiat, iaitu Aiman Abdullah. Terima kasih. |

Secara tidak langsung hal ini juga mempengaruhi keputusan pihak mahkamah untuk mengesahkan mengenai hak anak angkat si mati untuk menerima sebahagian hartanya setelah mendengar segala keterangan dan menilai bukti-bukt yang dibentangkan. Berdasarkan ujaran hakim yang mengendalikan kes ini dalam U106, iaitu "...mahkamah telah memutuskan bahawa kes wasiat si mati, Rizky bin Muhammad Zaman kepada Aiman adalah sah mengikut hukum syarak. Maka dengan ini, mahkamah memerintahkan 1/3 daripada harta si mati diserahkan kepada penerima wasiat iaitu Aiman Abdullah". Wasiat SMS yang dihantar oleh si mati kepada plaintiff adalah sah. Oleh itu, usaha memproses adalah sangat rendah jika hanya merujuk kepada konteks atau tajuk episod 5, iaitu Wasiat SMS. Hal ini kerana kemampuan untuk memahami dan interpretasi adalah sangat tinggi. Hal ini bertepatan dengan teori relevans (1986;1995) yang menyatakan jumlah masa yang sedikit untuk memproses sesuatu menjadikannya lebih relevan. Tambahan pula, episod ini mempunyai pengukuhan kesan konteks seperti pesanan ringkas dan pesanan suara daripada si mati untuk menyokong kes ini. Hal ini menjadikan keputusan mahkamah sangat relevan apabila tuntutan hak harta ke atas anak angkat adalah sah.

PERBINCANGAN

Implikatur-implikatur yang wujud dalam setiap ujaran memainkan peranan yang penting dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang. Memahami implikatur atau maksud tersirat terutamanya dalam konteks perundangan membantu pihak guaman dan pihak mahkamah menetapkan keputusan ke atas sesuatu kes. Hal ini boleh dilihat cara para peguam bela dalam Qanun 99 menyusun segala kemungkinan sebelum membuat keputusan sama ada ingin meneruskan atau membubarkan kes. Contohnya, analisis objektif kedua dalam episod 1 iaitu peguam bela plaintif sendiri yang menggugurkan kes plaintif selepas mengetahui perkara sebenar disebalik permohonan kes penceraian secara tebus talak oleh anak guamannya. Hal ini kerana peguam bela plaintif meneliti segala implikatur seperti penggunaan “kena lauk”, suara plaintif yang bertukar “garau”, dan plaintif yang tidak memberikan sebarang reaksi terhadap pertanyaan pembantu peguam belanya mengenai tahun graduan sekolah menengah.

Hal ini juga sama bagi analisis episod lima yang menggunakan implikatur untuk membantu menyelesaikan kes. Episod lima juga telah membantu plaintif mendapatkan hak untuk anak angkat si mati menerima sebahagian harta si mati setelah peguam belanya bersetuju untuk mengambil kesnya selepas mengetahui niat sebenar plaintif dan mahkamah meluluskan tuntutan pengesahan wasiat SMS berdasarkan bukti yang disediakan. Implikatur-implikatur yang wujud dalam setiap ujaran memainkan peranan yang penting dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh seseorang. Memahami implikatur atau maksud tersirat terutamanya dalam konteks perundangan membantu pihak guaman dan pihak mahkamah menetapkan keputusan ke atas sesuatu kes. Hal ini boleh dilihat cara para peguam bela dalam Qanun 99 menyusun segala kemungkinan sebelum membuat keputusan sama ada ingin meneruskan atau membubarkan kes. Contohnya, analisis dalam episod 1, iaitu peguam bela plaintif sendiri yang menggugurkan kes plaintif selepas mengetahui perkara sebenar disebalik permohonan kes penceraian secara tebus talak oleh anak guamannya. Hal ini kerana peguam bela plaintif meneliti segala implikatur seperti penggunaan “kena lauk”, suara plaintif yang bertukar “garau”, dan plaintif yang tidak memberikan sebarang reaksi terhadap pertanyaan pembantu peguam belanya mengenai tahun graduan sekolah menengah.

Kecekapan ini mampu dijelaskan dengan baik melalui teori Relevans (1986) yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson. Hal ini kerana kecekapan peguam bela ini dibantu oleh kesan-kesan konteks yang dikukuhkan dan digabungkan dengan bukti-buktii yang terdapat dalam sesuatu konteks. Hal ini telah menyebabkan usaha memproses adalah sangat rendah kerana proses pemahaman yang tinggi. Tambahan pula, hampir keseluruhan strategi peguam bela membuat sesuatu keputusan menggunakan teknik imbas kembali konteks. Hal ini telah menunjukkan memori atau pengalaman lepas banyak memberi kesan kepada individu. Hal ini bertepatan dengan Sperber dan Wilson (1986), konteks juga boleh dirujuk berdasarkan pengalaman atau ujaran sebelumnya. Oleh hal yang demikian, penggunaan teori Relevans (1986) ini sangat bertepatan untuk mengkaji cara peguam bela dan pihak mahkamah dalam menentukan sesuatu keputusan bagi setiap kes yang dikendalikan. Hal ini kerana teori Relevans (1986) mempunyai tiga prinsip utama iaitu konteks, kesan konteks dan juga usaha memproses (Sperber dan Wilson, 1986;1995). Ketiga-tiga prinsip ini dapat dijelaskan dalam setiap episod dalam drama Qanun 99 dan telah membuktikan setiap keputusan yang diambil oleh peguam bela dan pihak mahkamah adalah relevan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengkaji berjaya memperoleh 15 implikatur yang terdapat dalam dua episod yang dipilih dan secara tidak langsung menunjukkan kecekapan seorang peguam bela meneliti setiap implikatur. Bukan itu sahaja, drama Qanun 99 juga mampu menonjolkan kesemua prinsip utama teori relevans (1986) dengan baik, iaitu konteks yang merujuk kepada tajuk setiap episod, kesan konteks diperoleh daripada implikatur ujaran pihak plaintif dan defendant serta dikukuhkan dan digabungkan dengan bukti-bukti yang ada.

Semakin banyak pengukuhan atau penggabungan kesan konteks, maka keputusan yang diambil oleh pihak peguam bela dan pihak mahkamah semakin relevan. Oleh yang demikian, drama Qanun 99 memperoleh pengukuhan dan penggabungan kesan konteks yang banyak. Hal ini menyebabkan usaha memproses adalah sangat rendah dan menjadikan segala keputusan yang diambil oleh pihak peguam dan mahkamah adalah relevan. Pengukuhan dan penggabungan ini membantu peguam bela untuk membuat keputusan dengan tepat kerana mudah untuk difahami serta melakukan interpretasi (Nurerma Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan, 2020).

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh kerana memberi peluang dan ruang dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada Nur Fatin Afiqah kerana membantu untuk menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur dalam Kes Pembunuhan Norita: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*. 13(1), 20-38.
<http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8141/3654>.
- Astro Awani. (2018). Kronologi Kes IMDB. <https://www.astroawani.com/beritamalaysia/kronologi-siasatan-kes-1mdb-179578>.
- Berita Harian. (2016). Qanun 99 Realisasikan Impian Farid Kamil.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/8/2016/03/133153/qanun99realisasikanimpian-faridkamil>.
- Catoto, J. S. (2017). On courtroom questioning: A forensic linguistic analysis. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*. 22(11), 65-97.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2018). Data collection methods for program evaluation: observation. U.S Department of Health and Human Services.
<https://www.cdc.gov/healthyyouth/evaluation/pdf/brief16.pdf>.
- Datang, F. A. (2020). Perspektif historis dalam linguistik forensik. *IJFL (International Journal of Forensic Linguistics)*. 1(1), 10-16.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. (2003). Seksyen 73: Bahasa.
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.sf/100ae747c72

- 508e748256faa00188094/2e46a476eda07ead4825711f002a36f3?OpenDocument.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang. (2004). Seksyen 73: Bahasa. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.sf/8e791863d5e2682548256faa00184cce/352d7862d7af0142482571320023ec6a?OpenDocument.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. (2003). Seksyen 73: Bahasa. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/10ae747c72508e748256faa00188094/e01d7053d1a5ec3d482570ff00308f56?OpenDocument.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perlis. (2006). Seksyen 8: Perkahwinan Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Perlis. <https://jksn.perlis.gov.my/index.php/tahun-2018/134-perkahwinan-bawah-umur>.
- Fauzi Azmi *et al.* (2021). Kajian kontrastif terhadap persamaan implikatur ayat perintah dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. *Journal of Social Science and Humanities*, 18(4), 104-117. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1405>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2023). Statistik Kes Jenayah di Mahkamah Syariah Malaysia bagi tahun 2019 dan 2020. <http://www.jksm.gov.my/statistik-kes-jenayah-di-mahkamah-syariah-malaysia-bagi-tahun-2019-2020/>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2023). Statistik Kes Mal di Mahkamah Syariah Malaysia bagi tahun 2019 dan 2020. <http://www.jksm.gov.my/statistik-kes-mal-di-mahkamah-syariah-malaysia-bagi-tahun-2019-2020/>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2023). Khuluk atau Tebus Talak. <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/component/content/article/21joomla/components/207-khuluk-atau-tebus-talak?Itemid=951>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2023). Perkahwinan. <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/perkahwinan>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. (2015). Apa yang dimaksudkan KesMal?. <https://jksnpp.penang.gov.my/index.php/soalan-lazim/28-mal>.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Perlembagaan Persekutuan Perkara 3: Agama. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30116?language=my>.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2020). Population by Religion. <https://www.mycensus.gov.my/index.php/media-2/newsletter-infographics/125-newsletter-infographics/343-infografik#gallery6d2b70fcf-5>.
- Julaina Nopiah dan Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna Ujaran Implisit dalam Vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 203-230. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8039>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014). Bayi Tabung Uji: IVF. <http://www.myhealth.gov.my/bayi-tabung-uji-ivf/>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). Lelaki Bersuara Wanita. <http://www.myhealth.gov.my/lelaki-bersuara-wanita/>.
- Manpreet Kaur Bhatia. (2017). Data analysis and its importance. *Journal of Advanced Engineering and Science*, 2(1), 166-168. <http://irjaes.com/wp-content/uploads/2020/10/IRJAES-V2N1P58Y17.pdf>.
- Md Zahril Nizam Md Yusoff *et al.* (2017). Analisis komunikasi lisan dalam soal jawab kes jenayah terpilih. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(3), 1-16. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1394>.
- Mohd Kamel Mat Salleh *et al.* (2016). Kedudukan fatqa dan pendapat mufti sebagai autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 1-23. <http://www.ukm.my/jcil/2016-1-1>

- article-1/.
- Moore, E dan Llompart, J. (2017). Collecting, transcribing, analyzing and presenting plurilingual interactional data. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED573605.pdf>.
- Muhammad Musawir *et al.* (2022). Honesty in language in special fugitive scandal:forensic linguistic studies in broadcastin talks Indonesia Lawyers Club. *Journal of Asian Multicultural Research for Social Science Study*, 3(1), 40-49. <https://amrsjournals.com/index.php/jamrsss/article/view/256>.
- Muhammad Wa'iz. (2022). Ini yang akan berlaku pada janin anda sepanjang minggu 1 hingga 12 kehamilan. <https://heliodoktor.com/kehamilan/tips-hamil/trimester-pertama/perkembangan-kandungan/>.
- Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid. (2016). Pantun melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 146-159. <http://journalarticle.ukm.my/9964/1/16184-45371-1-SM.pdf>.
- Noranizan Mohd Sufian *et al.* (2017). Semakan kehakiman kesalahan jenayah syariah di Malaysia: Ulasan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2), 171-188. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/4173>.
- Nur Adlina Ahmad Azmi *et. al.* (2021). Bahasa lindung nilai dalam bukti perundangan niat jenayah: satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 89-104. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8120>.
- Nurerma Aida Abdul Rahman dan Hasmidar Hassan. (2020). Analisis laporan akhbar isu 1MDB dari sudut pragmatik. <http://eprints.usm.my/id/eprint/46530>.
- Roslan Rusly. (2019). Bahasa kebangsaan di mahkamah. <https://www.iium.edu.my/my/news/bahasa-kebangsaan-di-mahkamah>.
- Sakakini, A. (2020). Forensic linguistics: An applied theory. *Bau Journal – Society, Culture and Human Behaviour*, 1(2), 1-9. <https://digitalcommons.bau.edu.lb/schbjournal/vol1/iss2/2>.
- Sari, I. P. (2022). Voice analysis on mobile phone's voice recorder using audio forensic method. *IJFL (International Journal of Forensic Linguistics)*. 3(1), 27-33.
- Satria, H. Darwis, M. dan Kamsinah. (2022). Implikatur percakapan interogasi terhadap saksi/korban penganiayaan: Kajian linguistik forensik. *Jurnal Ilmu Budaya*.
- Sinar Harian. (2021). Martabat Bahasa Kita di Mahkamah. <https://www.sinarharian.com.my/article/128315/martabat-bahasa-kita-di-mahkamah>.
- Sperber, D. dan Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell Publishers Inc.
- Sperber, D. dan Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and Cognition (Second Edition)*. Oxford: Blackwell Publishers Inc.
- Sri Sugiarto dan Rini Qurratulaini. (2020). Potensi Kriminal Cyber Crime pada Meme: Sebuah Kajian Linguistik Forensik. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 7(1), 46-57. <https://jurnal.ugj.ac.id/index.php/Deiksisi/article/view/2495>.
- Suryani, Y. Suantoko dan Widodo, M. (2021). Linguistik forensik dalam perniagaan elektronik. *Prosiding Seminar Nasional Penelitian dan Pengabdian Masyarakat*. 6(1), 717-726.
- Tenny, S. *et al.* (2022). Qualitative Study. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK470395/>.
- Uci Permata Putri, Houtman, dan Surismiati. (2021). Kajian Linguistik Forensik dalam Komentar Postingan Kasus N. S Gambus pada Media Sosial Facebook. *Kajian linguisitik Forensik*. Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. FKIP UM Palembang.

- Umiyati, M. (2020). A literature review of forensic linguistics. *IJFL (International Journal of Forensic Linguistics), 1(1)*, 23-29.
- Warami, H. (2021). Kejahata Bahasa di Media Sosial pada Wilayah Hukum Manokwari: Kajian Linguistik Forensik. *IJFL (International Journal of Forensic Linguistics), 2(1)*, 19-26.
- Western Sydney University. (2017). Literature Review Purpose. https://www.westernsydney.edu.au/data/assets/pdf_file/0006/1254786/Literature_review_purpose.pdf.
- Zurul Iman Zakaria dan Zaini Nasohah. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law, 7(2)*, 13-26. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/4665>